



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2016/04/28 (HQ)

TNB BELANJA RM126.3 JUTA PERKUKUHKAN INFRASTRUKTUR ELEKTRIK DI PERAK

Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun ini memperuntukkan perbelanjaan modal sebanyak RM126.3 juta untuk penyediaan kemudahan infrastruktur dan rangkaian kabel serta pencawang di Negeri Perak.

Menurut Pengurus Besar Negeri (Perak), Bahagian Pembahagian TNB, Dato' Haji Mohd Zahir Md. Nagor berkata, sebahagian daripada peruntukan tersebut iaitu sebanyak RM3 juta bertujuan memperkukuhkan lagi sistem bekalan elektrik di kawasan Gerik.

Tambah beliau lagi, hasil daripada komitmen pengurusan TNB Negeri Perak, tempoh gangguan bekalan elektrik di seluruh Negeri Perak pada tahun lalu merekodkan catatan hanya 58.18 minit bagi setiap pengguna. Manakala Kawasan Gerik berjaya mencatatkan tempoh gangguan lebih rendah, 21.43 minit sahaja pada tahun lalu.

Mohd. Zahir turut menyeru kepada para pengguna supaya menggunakan elektrik secara berhemah, selamat, dan bijak iaitu dengan mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan bagi mengelakkan kemalangan yang boleh meragut nyawa.

Di majlis tersebut, TNB turut menyumbangkan kelengkapan baru set peralatan siaraya untuk kampung dan taman dalam kawasan Parlimen Gerik. Kesemua sumbangan ini bernilai RM20,000.

Turut hadir, Pegawai Daerah Gerik merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Gerik, Tuan Haji Mohd Tahir Osman.

Dikeluarkan di Gerik, Perak pada 19 April 2016

*Untuk sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727)
media@tnb.com.my*